



KERATAN SURAT KHBAR

SURAT KHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	24/8/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 19
JABATAN	:	PERHILITAN		

HM, 24 Ogos
2021_19

Peneroka rayu tambah perangkap harimau

Gua Musang: Peneroka Felda Perasu, dekat sini, merayu Jabatan Perlindungan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menambah jumlah perangkap untuk menangkap harimau berikutan sebuah perangkap yang dipasang sejak dua bulan lalu belum berkesan.

Peneroka, Mohd Zain Hassan, 74, mendakwa perangkap yang dipasang pihak berkenaan sebaliknya dimasuki haiwan lain seperti beruang dan bukannya harimau.

Katanya, sejak harimau ditemui berkeliaran di rancangan tanah terbabit lima bulan lalu sehingga kini peneroka ketakutan terutama untuk keluar rumah pada waktu malam.

"Walaupun setakat ini belum berlaku kejadian tidak diingini ke peneroka di sini, tetapi kami bimbang

harimau itu boleh menyerang manusia bila-bila masa," katanya.

Seorang lagi peneroka, Sulaiman Yusoff, 67, berkata, peneroka turut berhati-hati setiap kali berada di ladang kelapa sawit selepas mendengar kelibat harimau muncul beberapa bulan lalu.

Katanya, masa untuk berada dalam ladang sawit juga terpaksa dipendekkan separuh hari sahaja kerana bimbang terserempak dengan haiwan ganas itu.

Beliau berkata, kebiasaan haiwan terbabit ditemui berkeliaran lewat petang hingga malam dan dikatakan pernah muncul di sekitar kediaman peneroka.

"Kami memang mengharapkan pihak berkuasa memasang lebih banyak perangkap supaya haiwan berkenaan berjaya ditangkap," katanya.